

01 JUL 1999

Mahathir-Sokongan

RAKYAT JANGAN SOKONG BN MEMBUTA TULI, KATA PM

PULAU PINANG, 1 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meminta rakyat supaya tidak memberikan sokongan yang membuta tuli kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) tanpa memahami sebab sokongan itu diberi.

Perdana Menteri berkata jika rakyat memberi sokongan membuta tuli bagi membolehkan BN meraih kemenangan dua per tiga, perbuatan itu akan menjadi sesuatu yang tidak baik seperti yang berlaku terhadap penyokong beberapa parti pembangkang di negara ini.

Semasa berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) di sini, beliau berkata pemikiran pengikut PAS menjadi "tong kayu" kerana sekatan pemimpin mereka yang tidak membenarkan mereka mendengar penjelasan orang lain.

"Ini ialah kerana pemimpin PAS takut anggotanya terpengaruh dengan kebenaran yang mungkin dibawa oleh orang Umno atau BN," katanya dan menjelaskan bahawa disebabkan perkara itu, pengikut PAS menjadi fanatik.

Beliau berkata begitu juga dengan DAP, yang sanggup menyingkirkan anggotanya hanya kerana mereka berani menegur kepimpinan Setiausaha Agung parti itu, Lim Kit Siang, yang dianggap sebagai diktator.

Bagaimanapun, ada segolongan anggota DAP yang boleh "berfikir" dan bertindak meninggalkan parti itu untuk menyertai parti-parti komponen BN seperti MCA dan Gerakan kerana menyedari perjuangan BN adalah berpandangan jauh, kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau mahu rakyat faham bahawa kemenangan dua per tiga kerusi di Parlimen diperlukan bukan sekadar untuk membolehkan kerajaan meminda undang-undang.

"Yang pentingnya, kerajaan cukup kukuh dan kuat untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan tanpa mengambil kira bangkangan dan kritikan parti lawan," katanya.

Menurut Perdana Menteri segala perancangan kerajaan bukan hanya untuk esok atau 10 tahun akan datang tetapi mencakupi sehingga tempoh 30 tahun akan datang seperti Wawasan 2020 yang diasaskan sejak 1991.

Selain itu, pelbagai projek pembangunan yang sedang dilaksanakan sekarang ini juga mempunyai kepentingan melampaui sehingga satu tempoh masa yang ke hadapan, kata beliau.

Sebagai contoh, katanya, pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dirancangkan bagi membolehkannya menampung keperluan penumpang sehingga 100 atau 200 tahun dari sekarang kerana saiznya yang besar.

Begitu juga dengan ibukota yang baru, Putrajaya dan bandar baru, Cyberjaya serta dasar Teknologi Maklumat yang bakal membawa Malaysia menempuhi era maklumat pada masa hadapan, kata beliau.

Dr Mahathir berkata sokongan dua pertiga di Parlimen itu juga telah membantu kerajaan menangani pelbagai masalah dan cabaran yang dihadapi oleh negara sejak mencapai kemerdekaan.

Antara cabaran itu ialah keupayaan menangani rusuhan kaum yang berlaku pada 1969, kemelesetan ekonomi yang berlaku pada tahun 1981/82, cabaran konfrontasi dengan Indonesia dan ancaman komunis yang berakhir dengan peletakan senjata pada 1991, kata beliau.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, cabaran yang lebih besar yang pernah dihadapi ialah kegawatan ekonomi berikutan serangan penyangak matawang dan serangan ke atas pasaran saham Malaysia.

-- BERNAMA
AHM/ZU NAK